



NEGERI PAHANG

TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Phg. P.U. 5/2000

UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN (MAJLIS DAERAH PEKAN) 2000

Tarikh penyiaran:

13 Februari 2000

Tarikh mula berkuatkuasa:

1 Januari 1994

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

Undang-Undang Kecil 1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Undang-Undang Kecil 2. Tafsiran.

Undang-Undang Kecil 3. Bekalan air

Undang-Undang Kecil 4. Kebersihan tempat-tempat yang digunakan untuk persediaan dan penjualan makanan.

Undang-Undang Kecil 5. Makanan hendaklah disimpan jauh daripada habuk dsb.

Undang-Undang Kecil 6. Penjualan makanan yang kotor dilarang

Undang-Undang Kecil 7. Kebersihan pengendali makanan.

Undang-Undang Kecil 8. Orang-orang yang dilarang mengendalikan makanan.

Undang-Undang Kecil 9. Penggunaan kain dsb, dengan betul untuk tujuan menbersihkan.

Undang-Undang Kecil 10. Tempat-tempat dilarang bagi jualan atau persediaan makanan.

Undang-Undang Kecil 11. Bekas simpanan yang dilarang

Undang-Undang Kecil 12. Kecemaran makanan.

Undang-Undang Kecil 13. Persediaan dan penjualan makanan di atas permukaan tanah.

Undang-Undang Kecil 14. Alat-alat.

Undang-Undang Kecil 15. Pengendalian makanan.

Undang-Undang Kecil 16. Membawa makanan.

Undang-Undang Kecil 17. Pemeriksaan perubatan.

Undang-Undang Kecil 18. Hukuman.

Undang-Undang Kecil 19. Kompaun kesalahan.

JADUAL PERTAMA

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 , Majlis Daerah Pekan membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, Undang-Undang Kecil yang berikut:

1. Nama dan mula berkuatkuasa.

(1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Pekan) 2000** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1994.

2. Tafsiran.

Dalam Undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Pekan;

“Makanan” termasuklah tiap-tiap satu benda yang dijadikan makanan atau minuman oleh manusia atau yang masuk ke dalam atau adalah digunakan di dalam persebatian atau persediaan apa-apa satu benda itu dan termasuklah juga bahan pewarna dan perasa dan rempah-rempah perasa, tetapi tidak termasuk:

- (a) benda-benda atau bahan-bahan yang digunakan hanya sebagai dadah;
- (b) binatang atau burung yang hidup; atau
- (c) fodder atau barang makanan bagi binatang, burung atau ikan;

“persediaan” termasuklah perkilangan, pembungkusan, serahan, pengangkutan, simpanan dan menghidangkan makanan dan “menyediakan” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“Jualan” atau “Jual” termasuklah barter dan pertukaran dan juga termasuk tawaran atau percubaan untuk menjual atau menyebabkan atau membenarkan untuk dijual atau didedahkan bagi jualan, atau menerima atau menghantar atau penyerahan bagi jualan, atau membekalkan apa-apa makanan di mana balasan akan diterima oleh pembekal bagi pembekalan sama ada secara khusus atau sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang dikontrakkan bagi, atau ada dalam miliknya untuk jualan, atau ada dalam miliknya apa-apa makanan yang ia ketahui bahawa makanan itu berkemungkinan akan dijual atau ditawar atau didedahkan untuk jualan, dan berkaitan hanya atau ditawaratau didedahkan untuk jualan, dan berkaitan hanya dengan jualan bagi penggunaan atau pemakaian manusia;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Pekan.

3. Bekalan air

Tiada seseorang yang bekerja menjual atau menyediakan bagi jualan makanan boleh menggunakan bagi apa-apa maksud mengenai trednya:

- (a) mana-mana air selain daripada air dari paip yang disambungkan kepada saluran besar daripada bekalan air awam; atau

(b) mana-mana air dari paip atau punca lain di dalam tandas persendirian atau awam atau lain-lain kemudahan.

4. Kebersihan tempat-tempat yang digunakan untuk persediaan dan penjualan makanan.

(1) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi menjual makanan hendaklah pada setiap masa menyelenggara tempat yang digunakan bagi penjualan atau persediaan itu dalam keadaan yang bersih.

(2) Ia hendaklah juga menjaga kebersihan mana-mana lebuh, lorong atau kawasan lapang yang hampir sekali di hadapannya, dibelakangnya atau di rusok tempat yang digunakan bagi penjualan atau persediaan itu dalam keadaan yang bersih dan bebas dari himpunan bahan-bahan berbahaya atau mengganggu, atau sampah kotoran atau lain-lain bahan atau benda yang dibuang olehnya.

5. Makanan hendaklah disimpan jauh daripada habuk dsb.

Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi penjualan apa-apa makanan, hendaklah menyimpan makanan itu pada setiap masa dan semua bekas, perkakas, kenderaan, barang-barang, alat, alat-alat tred, bangku-bangku, kerusi meja, pasangan, jentera dan lain-lain peralatan yang digunakan bagi atau berhubung dengan makanan itu bersih dan bebas dari kekotoran dan habuk, bau busuk, bubuk dan lalat atau lain-lain serangga.

6. Penjualan makanan yang kotor dilarang.

(1) Tiada seseorang boleh menjual apa-apa benda makanan yang kotor atau mengandungi apa-apa jirim asing kepada jenis makanan itu.

(2) Tiada seseorang boleh menjual atau membungkus untuk dijual apa-apa benda makanan dalam bungkusan yang kotor.

7. Kebersihan pengendali makanan.

(1) Tiap-tiap orang yang mengambil bahagian menjual atau membuat persediaan makanan untuk dijual hendaklah, apabila berbuat demikian, menjaga makanannya dan badannya dalam keadaan bersih.

(2) Tiap-tiap orang yang mengambil bahagian menjual atau membuat persediaan apa-apa makanan untuk dijual hendaklah, pada setiap kali sebelum memulakan penjualan atau persediaan itu, atau selepas menggunakan mana-mana tempat membuang air kecil, tandas, bilik air atau lain-lain kemudahan yang serupa dan sebelum memulakan penjualan atau persediaan itu membasuh tangannya dengan bersungguh-sungguh dengan sabun dan air bersih.

(3) Tiada seseorang boleh meludah, membuang hingus daripada hidung, menghisap atau menggunakan tembakau atau bahan sedutan atau mana-mana perbuatan yang lain atau mengunyah tembakau atau buah pinang semasa mengambil bahagian menjual atau membuat persediaan apa-apa makanan untuk dijual.

(4) Tiada seseorang yang ada luka atau pecah kulit di tangan atau di jari boleh mengambil bahagian menjual atau membuat persediaan makanan untuk dijual melainkan luka atau pecah kulit itu dibalut rapi dengan balutan kalisair.

(5) Tiap-tiap orang yang menjual makanan atau menyediakan makanan untuk dijual hendaklah memakai Kad Pengenalan Pengendalian Makanan yang dikeluarkan oleh Majlis.

8. Orang-orang yang dilarang mengendalikan makanan.

Tiada seseorang:

- (a) yang mengidap penyakit yang boleh merebak;
- (b) yang membawa apa-apa penyakit jangkitan;
- (c) yang mengidap apa juu keadaan menyebabkan keluarnya nanah atau serum dari mana-mana bahagian badan atau lain-lain penyakit kulit;
- (d) yang mempunyai sebab atau mempercayai atau mengesyaki bahawa ia berkemungkinan menyebar organisma yang boleh mendatangkan penyakit; atau
- (e) yang ada membuat perhubungan dengan mana-mana orang yang mengidap penyakit boleh merebak,

boleh mengambil bahagian menjual atau membuat persediaan makanan untuk dijual atau apa-apa benda yang digunakan atau mungkin digunakan sebagai makanan atau apa-apa bahan yang digunakan atau mungkin digunakan sebagai pembalut atau bekas simpanan bagi makanan.

9. Penggunaan kain dsb.dengan betul untuk tujuan membersihkan.

Tiada seseorang menggunakan bagi maksud mengelap atau membersih atau mengilat apa-apa makanan untuk dijual atau apa-apa bungkusan atau alat yang digunakan berhubung dengannya apa-apa kain buruk atau kain lain daripada penyu pu habuk yang sesuai atau kain disimpan semata-mata bagi maksud itu, dan yang mana dijaga pada setiap masa dalam keadaan bersih.

10. Tempat-tempat dilarang bagi jualan atau persediaan makanan.

(1) Tiada seseorang boleh menjual atau menyediakan bagi dijual apa-apa benda, makanan di dalam mana-mana kandang, tempat buang air kecil, tandas, atau bilik air atau di mana-mana tempat yang mana pada bila-bila masa digunakan sebagai tempat tidur atau yang mana letaknya menghalang terus ke bilik tidur atau ke kandang atau ke tempat buang air kecil, tandas, atau ke bilik air atau di mana-mana tempat di mana apa-apa binatang atau burung dibenarkan disimpan.

(2) Tiada seseorang boleh menjual atau menyediakan untuk dijual apa-apa benda makanan di mana-mana tempat, di mana apa-apa barang, binatang atau burung disimpan atau apa-apa kerja dijalankan dengan kerananya benda makanan itu boleh tercemar atau keadaan baiknya atau keadaan kebersihannya terjejas.

(3) Tiada seseorang boleh meletak, menyimpan, membawa, menyebar atau mengguna atau menyebabkan diletak, disimpan, dibawa disebar atau digunakan di mana-mana tempat yang digunakan

untuk jualan atau persediaan untuk dijual apa-apa makanan, apa-apa racun atau apa-apa jirim yang merbahaya atau mengganggu atau apa-apa material lain yang mungkin mencemar keadaan makanan itu; tetapi tiada apa-apa boleh menahan penggunaan secara betul semburan campuran yang mengandungi racun bagi maksud mengawal serangga-serangga atau lain-lain binatang perosak.

11. Bekas simpanan yang dilarang

- (1) Tiada seseorang boleh memasuk, membawa, atau menyimpan apa-apa benda makanan untuk dijual dalam mana-mana pada beg, karung, atau bekas yang serupa yang mana pada bila-bila masa mengandungi, atau telah digunakan untuk mengangkut apa-apa racun atau material yang merbahaya atau apa-apa material yang boleh menyebabkan makanan itu menjadi tidak baik atau tidak layak untuk dimakan oleh manusia.
- (2) Tiada apa-apa peti, bakul atau lain-lain bekas yang kotor boleh digunakan untuk mengandungi atau bagi menyediakan apa-apa benda makanan untuk dijual.

12. Kecemaran makanan

- (1) Tiada seseorang boleh meletakkan hingga tersentuh dengan apa-apa makanan untuk dijual atau mana-mana bungkusan yang mengandungi makanan untuk dijual apa-apa plastik, logam atau lain-lain objek, benda atau barang-barang untuk dijual atau diberi kepada pembeli ketika menjual makanan itu melainkan objek, benda atau barang itu diliputi sepenuhnya dalam suatu balutan diperbuat daripada bahan yang tidak mencemarkan makanan itудan yang tidak mengandungi ramuan yang mungkin diserap oleh, atau ada kemungkinan meresap ke dalam makanan dan tiada seorang boleh meletakkan apa-apa benda atau barang dalam apa-apa makanan dengan cara ianya boleh bercampur atau dilingkungi oleh makanan itu.
- (2) Tiap-tiap orang yang menjual apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah menjaga makanan itu, sehingga ianya diterima oleh seseorang pembeli, dengan menyimpan dalam bekas tertutup atau dengan lain cara yang berkesan.
- (3) Tiada seseorang boleh membawa untuk dijual apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual melainkan ianya dibungkus atau diletak di dalam suatu bekas atau lain-lain bungkusan yang sengaja dibentuk bagi menghindar benda makanan itu dari tercemar.
- (4) Tiada seseorang boleh membawa, meletak atau memasukkan atau dibenarkan membawa, meletak atau memasukkan dalam mana-mana kenderaan yang digunakan bagi membawa apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, apa-apa kotoran, benda yang mengganggu atau lain-lain bahan yang mungkin mencemar keadaan baik atau kebersihan benda makanan yang dibawa di dalamnya.
- (5) Tiada seseorang boleh menggunakan berkaitan dengan menjual atau persediaan untuk dijual apa-apa makanan biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, apa-apa kertas yang mengandungi tulisan atau bahan cetakan di atasnya mengikut apa-apa juga caranya di mana makanan itu boleh tersentuh dengan tulisan atau bahan cetakan itu.
- (6) Tiada seseorang boleh menjual apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, yang telah jatuh, diletak atau disimpan atas mana-mana kaunter, bar atau lantai melainkan ianya dijaga atau dibungkus supaya terhindar benda makanan itu dari kemungkinan tercemar.

13. Persediaan dan penjualan makanan di atas permukaan tanah.

Tiada seseorang boleh menjual atau menyediakan untuk dijual apa-apa makanan di mana-mana premis, jalan atau lain-lain kawasan dengan tingginya kurang dari 0.4572 meter dari paras permukaan tanah bagi premis, jalan atau kawasan lapang itu.

14. Alat-alat

(1) Tiada seseorang boleh menggunakan untuk menghidang makanan untuk dijual apa-apa alat makanan atau minuman yang tidak dibersihkan selepas ianya digunakan yang terakhir sama ada atau tidak alat itu diberi kepada orang yang sama yang sebelum itu telah menggunakan alat tersebut.

(2) Tiada seseorang boleh menggunakan atau terdapat padanya apa-apa bekas minuman, pinggan, piring atau lain-lain bekas makanan yang sumbing, pecah atau retak untuk digunakan atau untuk membuat persediaan bagi menjual apa-apa makanan.

15. Pengendalian makanan

(1) Tiap-tiap orang yang menjual atau menyedia untuk dijual apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah jangan semasa membuat penjualan atau persediaan itu:

(a) mengendali atau memberar pengendalian apa-apa makanan dengan jari-jarinya tetapi hendaklah menggunakan penyenduk, penyepit atau perkakas lain yang sesuai bagi tiap-tiap maksud itu;

(b) menggunakan jari-jarinya ke mulut, mata, telinga, hidung atau kulit kepala semasa menjalankan pembungkusan atau penghidangan itu;

(c) menggunakan nafasnya untuk membuka mana-mana beg atau pembalut;

(d) menyapu tangannya ke atas pakaian atau dengan apa-apa cara selain dengan tuala atau kain yang bersih;

(e) meletakkan, sehingga boleh menyentuh makanan untuk dijual, apa apa bahan, perkakas atau benda yang kotor atau mungkin boleh mencemar makanan itu, atau yang telah disentuh dengan mulut; atau

(f) batuk atau bersin ke atas mana-mana makanan

(2) Penyepit-penyepit yang sama atau lain-lain perkakas yang sesuai bagi mengendalikan apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah dibersihkan hendaklah selalu dibersihkan dan bebas dari pencemaran pada setiap masa.

(3) Tiada seseorang yang bekerja menjual atau membuat persediaan untuk dijual apa-apa makanan boleh menyentuh dengan mulutnya apa-apa alatan yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau persediaan itu.

(4) Tiada seseorang yang bekerja menjual atau membuat persediaan untuk dijual apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual boleh membawa apa-apa alatan atau bekas yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau persediaan itu dengan cara yang boleh menjelaskan keadaan baik, kebersihan atau kebebasan makanan itu dari pencemaran.

16. Membawa makanan

- (1) Tiada seseorang boleh menggunakan mana-mana kereta, pengangkutan atau bekas yang tidak bersih bagi membawa atau menghantar apa-apa makanan untuk dijual.
- (2) Tiada seseorang boleh menggunakan apa-apa kereta, pengangkutan atau bekas bagi membawa atau mengisi apa-apa binatang, burung atau lain-lain benda atau barang di mana keadaan baik, kebersihan atau kebebasan dari pencemaran apa-apa makanan untuk dijual yang dibawa atau diisi atau biasa dibawa atau diisi dalam kereta, pengangkutan atau bekas itu boleh atau mungkin terjejas.

17. Pemeriksaan perubatan

- (1) Mana-mana orang yang bekerja menjual atau membuat persediaan untuk dijual apa-apa benda makanan boleh dikehendaki oleh Yang Dipertua menjalani pemeriksaan perubatan tentang kelayakannya bagi membuat kerja itu.
- (2) Pemeriksaan itu hendaklah dijalankan oleh Pegawai Perubatan atau Kesihatan, yang dilantik sama ada secara am atau khusus oleh Yang Dipertua.
- (3) Jika mana-mana orang telah diperiksa didapati oleh Pegawai Perubatan atau Kesihatan mengidap penyakit yang berjangkit atau merebak atau apa-apa penyakit kulit yang merbahaya atau adalah, pada pendapat Pegawai Perubatan atau Kesihatan, berkemungkinan merupakan punca perebakan, Yang Dipertua hendaklah dengan serta merta tidak memberi kelayakan kepada orang yang diperiksa itu bekerja atau mengambil bahagian di tempat yang digunakan bagi menjual atau menyediakan untuk menjual apa-apa makanan sehingga sampainya masa disahkan oleh Pegawai Perubatan atau Kesihatan bahawa ia telah sembuh atau tidak lagi ada kemungkinan menjadi punca perebakan.

(4) Mana-mana orang:

- (a) yang enggan menjalani pemeriksaan perubatan apabila diminta diperiksa; atau
(b) yang mana, setelah diperiksa dan tidak diberi kelayakan,

Terus bekerja di mana-mana tempat yang digunakan bagi menjual atau menyediakan untuk menjual apa-apa benda makanan, adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Undang-undang Kecil ini.

(5) Pemilik, pemegang lesen, penduduk atau penjaga mana-mana tempat yang digunakan bagi menjual atau menyediakan untuk jualan apa-apa benda makanan, yang mana, setelah diberitahu dengan bertulis oleh Yang Dipertua bahawa seseorang yang bertugas menjual makanan di tempat itu telah enggan menjalani pemeriksaan perubatan atau, setelah diperiksa tidak diberi kelayakan untuk bertugas, membenarkan orang itu meneruskan bekerja di situ atau tinggal di dalam kawasan tempat itu adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil itu.

18. Hukuman

Sesiapa yang melanggar mana-mana Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh di denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau di penjara selama tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari dalam mana kesalahan itu diteruskan selepas disabitkan.

19. Kompaun kesalahan

Mana-mana Pegawai Kanan Majlis yang dilantik oleh Yang Dipertua boleh mengkompaunkan mana-mana kesalahan di bawah Undang-undang kecil ini dengan menerima wang sejumlah tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit dari orang yang dituduh melakukan kesalahan itu.

JADUAL

(Undang-Undang Kecil 19)

TAWARAN MENGKOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada:

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Rujukan:

Menurut maklumat / aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan / puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan undang-undang yang berkaitan
Tarikh Waktu
Tempat
Butir-butir Kesalahan
.....

2. Tuan / Puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberikan kepada saya oleh undang-undang kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Pekan) 2000, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran sebanyak RM (Ringgit). Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank, atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Pekan dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" dan boleh diserahkan dengan sendiri kepada saya di alamat yang berikut
.....

Pembayaran melalui pos mestilah dialamatkan kepada Yang di Pertua Majlis Daerah Pekan. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila dibayar.

3. Tawaran ini akan habis tempoh pada jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas di terima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah pembicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak, langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh haribulan.....19.....

* Tandatangan

*(Untuk ditandatangani oleh orang diberi kuasa mengkompaun, dan nama serta jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangan).

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Pekan,
Pekan.

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan
Dan bertarikh Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama ini wang tunai /
kiriman wang / wang pos / pesanan bank / draf bank No. bagi sebanyak RM
(Ringgit) bagi menjelaskan kompaun itu.

Tandatangan
Nama (Huruf Besar)
Alamat
.....

Bertarikh di Pekan, 7 Oktober 1994.

ABDUL MALEK BIN HJ. ABDUL MAJID,
*Yang Dipertua,
Majlis Daerah Pekan*

Disahkan 7 Oktober 1994.
[SUK. Phg. (KT) 5264 Sj. I]

MOHAMAD NOOR BIN ABDUL RANI,
*Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang*